

Angka Covid-19 lepas 2 juta

MS
05

Malaysia catat 15,699 kes baharu pada Selasa, Selangor kembali negeri tertinggi

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kes baharu positif Covid-19 melepasi angka 2 juta pada Selasa selepas merekodkan pertambahan 15,699 kes.

Jumlah kes harian itu bagaimanapun menunjukkan penurunan sejak dua hari lalu.

Namun, Selangor kembali berada di tangga teratas melaporkan kes tertinggi iaitu 2,632 kes diikuti Sarawak (1,983), Johor (1,974), Sabah (1,784), Pulau Pinang (1,651) dan Kelantan (1,406).

Perak pula melaporkan 856 kes, Pahang (763), Terengganu (483), Kuala Lumpur (411), Negeri Sembilan (143), Perlis (30), Putrajaya (14) dan Labuan (3).

Ketua Pengarah



Kakitangan pawagam melakukan kerja-kerja sanitasi di dalam panggung selepas kerajaan membenarkan aktiviti panggung wayang kepada individu yang lengkap dua dos vaksinasi di Tanjung Golden Village (TGV) Cinema Sunway Velocity, Kuala Lumpur pada Selasa.

Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 adalah 2,011,440 kes.

“Daripada jumlah yang dilaporkan hari ini (Selasa), terdapat 283 kes (1.8 peratus) adalah kategori tiga hingga lima dan 15,386 kes (98.2 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori satu serta dua,” katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, sebanyak 1,266 pesakit dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 689 memerlukan

bantuan pernafasan.

“Sebanyak 18,053 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan 1,764,579 kes,” katanya.

Beliau berkata, terdapat 29 kluster baharu dikenal pasti membabitkan 14 kluster tempat kerja dan 12 kluster komuniti serta tiga kluster berisiko tinggi.

Daripada data yang dikeluarkan, sebanyak sembilan kluster komuniti dikesan di Kelantan, dua di Sarawak dan satu di Pahang.

Jumlah keseluruhan kluster adalah 5,182 dan 3,734 telah diisytiharkan tamat manakala 1,448 lagi masih aktif.

MEDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?